

## 600 PBBS sedia digerak, bantu operasi musim MTL

**BATU PAHAT** - Seramai 600 Pegawai Bomba Bantuan Siswa (PBBS) sedia digerakkan bagi membantu operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ketika musim Monsun Timur Laut (MTL).

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM, Datuk Nor Hisham Mohammad berkata, tiga universiti yang mempunyai PBBS ialah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"PBBS akan menyertai 24,000 pegawai dan anggota JBPM dalam operasi ketika musim MTL yang dijangka berlaku pada bulan ini hingga Mac 2024.

"Pegawai PBBS tersebut akan ditugaskan bagi menghadapi situasi menyelamat ketika bencana banjir atau ribut mengikut lokasi balai bomba yang berhampiran dengan kediaman masing-masing.

"Namun, pegawai PBBS ini perlu mendaftarkan diri di balai bomba yang berhampiran terlebih dahulu bagi memboleh-



Majlis Pentaulahan Pegawai Bomba Bantuan Siswa (PBBS) UTHM di Dewan Sultan Ibrahim UTHM, Batu Pahat pada Isnin.

kan mereka menyertai anggota bomba yang bertugas pada musim monsun kali ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Pentaulahan PBBS UTHM di Dewan Sultan Ibrahim UTHM, di sini pada Isnin.

Pada majlis itu, seramai 46 pegawai PBBS UTHM menerima sijil pentaulahan.

Menurut Nor Hisham, UTHM merupakan universiti yang paling ramai melahirkan pegawai PBBS iaitu seramai 268 berjaya menerima sijil tauliah dan bakinya dari USIM dan UiTM.